

08 NOV 1998

Abdullah-Singapura

HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA BOLEH DIPULIHKAN, KATA ABDULLAH

JOHOR BAHRU, 8 Nov (Bernama) -- Menteri Luar Negeri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hubungan Malaysia dan Singapura yang sebelum ini berada pada "tahap yang rendah", boleh dipulihkan hasil pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di Kuala Lumpur Khamis lepas.

Menurutnya, kedua-dua pemimpin itu telah mencapai persefahaman dalam beberapa masalah yang melibatkan kedua-dua negara.

"Pertemuan kali ini boleh dianggap bahawa hubungan antara kedua-dua negara boleh dipulihkan dan ditingkatkan kembali," katanya kepada pemberita selepas melancarkan majalah Tunas Budiman terbitan Biro Pendidikan Umno Bahagian Johor Baharu di sini hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kedudukan hubungan antara Malaysia dan Singapura.

Pada pertemuan kedua-dua Perdana Menteri itu, Malaysia dan Singapura berharap untuk mengetepikan perbezaan dan menumpukan perhatian kepada usaha memperbaiki lagi hubungan dua hala.

Abdullah turut ditanya mengenai laporan akhbar hari ini mengenai Setiausaha Pertahanan Filipina, Orlando Mercado yang mahukan kehadiran tentera Amerika Syarikat yang lebih besar di negara itu ketika pertikaian antara Filipina dengan China berhubung tuntutan Kepulauan Spratly di Laut China Selatan.

"Itu dia punya pendirian dan kita tahu hubungan Filipina dengan Amerika adalah erat, tetapi yang penting dalam hal yang berkaitan dengan keselamatan dan kestabilan di rantau ini ialah kerjasama antara negara-negara Asean," katanya.

Negara-negara Asean telah bersepakat mengenai isu Kepulauan Spartyly itu bahawa mereka tidak akan bertindak dengan cara yang boleh menegangkan lagi situasi seperti menggunakan pendekatan ketenteraan.

"Sebaliknya Asean akan mengutamakan perbincangan antara anggota-anggotanya bagi menyelesaikan sebarang masalah yang timbul di rantau ini," katanya.

Abdullah juga berkata, kestabilan di rantau ini boleh dicapai apabila Asean dan negara sahabat yang lain saling bermuafakat, hormat-menghormati, saling memahami serta tidak campur tangan dalam urusan dalam negara anggota Asean yang lain.

"Saya percaya kekuatan dan muafakat serta persefahaman ini akan menjamin kestabilan di rantau ini," katanya.

-- BERNAMA

RAM MAI